LAPORAN TAHUNAN

# 2017 2018

## MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

"SAFEGUARDING PATIENTS AND GUIDING DOCTORS"

# LAPORAN TAHUNAN

# 2017 2018

## MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

"SAFEGUARDING PATIENTS AND GUIDING DOCTORS"

# Kandungan

5 Perutusan

6 Perutusan Presiden

9 Maklumat Korporat

10 Misi, Moto, Objektif dan Fungsi-fungsi Utama

12 Presiden dan Ahli-ahli Majlis

17 Kumpulan Pengurusan

18 Carta Organisasi dan Carta Fungsi

19 Laporan Pencapaian

21 Laporan Pendaftaran

28 Laporan Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)

30 Laporan Akreditasi dan Pengiktirafan

32 Laporan Etika dan Tatatertib

35 Laporan Pendapatan

36 Lampiran-lampiran

# Sidang **Redaksi**


## Penaung

**Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**
Presiden

## Penasihat

**Dato' Dr. Mohd. Khairi bin Yakub**
Ketua Pegawai Eksekutif

## Ketua Editor

**Dr. Muhammad Yazuran Sallij bin Muhd Yasin**
Ketua Pegawai Operasi

## Editor

**Dr. Arulalan A/L Kumaran**
Pengarah
Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa

**Cik Noraini binti Mustafa**
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Dr. Ahmad Soufi bin Ahmad Fuad**
Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Hubungan Antarabangsa & Korporat

**Puan Siti Ayshah binti Mohamed Zaini**
Pembantu Tadbir
Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa



# Perutusan

# **Perutusan** Presiden

Saya mengambil kesempatan ini untuk menulis kata pengantar bagi laporan tahunan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) untuk tahun 2017 dan 2018.

Tahun 2017 merupakan tahun yang penting dalam 46 tahun sejarah penubuhan MPM, di mana MPM telah diwartakan sebagai sebuah badan korporat pada 1 Julai 2017 bagi memenuhi kuasa perundangan Akta Perubatan. Ini adalah hasil usaha bersama Ahli Majlis dan Sekretariat yang telah bermula lebih dari satu dekad yang lalu.

Bagi tujuan ini, Akta Perubatan 1971 telah dipinda dan diwartakan pada tahun 2012. Bagi memperkasakan pelaksanaan peruntukan Akta yang baru ini, perubahan kepada Peraturan Perubatan 1974 juga telah dibuat dan diwartakan sebagai Peraturan Perubatan 2017.

Perubahan utama ini merangkumi semakan kepada komposisi Ahli Majlis, peningkatan fungsi pentadbiran dan kewangan MPM, pembentukan daftar Pakar Perubatan, penetapan syarat baru untuk pembaharuan Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) pengamal serta penambahbaikan terhadap proses kes etika dan tatatertib. Dengan perubahan ini, MPM dapat menjadi sebuah organisasi yang lebih telus dan relevan bukan sahaja untuk masa kini tetapi juga di masa hadapan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, YB Dr. Lee Boon Chye kerana telah meluangkan masa mereka untuk bertemu dengan MPM. Semua pandangan dan cadangan mereka sangat bernilai dalam membantu MPM untuk terus maju ke hadapan.

Di samping itu juga, perubahan ini telah mendatangkan pelbagai jenis cabaran kepada MPM. MPM telah mengambil masa selama 11 bulan dalam proses melantik Ketua Pegawai Eksekutif yang baru. Sepanjang tempoh transisi ini tugas-tugas pengawasan gerak kerja Sekretariat telah diambil alih oleh Ahli Majlis sendiri. Selain itu, tanggungjawab pentadbiran dan kewangan dalam memenuhi permintaan sebagai entiti korporat belum dapat dipenuhi sepenuhnya oleh MPM. Mekanisma penambahbaikan pejabat dan fungsi Sekretariat dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada profesion perubatan juga sedang giat dijalankan. Pengenalan syarat-syarat seperti keperluan untuk daftar Pakar Perubatan, keperluan markah Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan perlindungan insurans indemniti peribadi bagi tujuan permohonan APC telah memberi cabaran baru kepada operasi MPM yang sedia ada. Tidak dapat dinafikan, dengan jumlah pengamal yang semakin meningkat saban tahun, peningkatan jumlah aduan dan kritikan terhadap fungsi MPM juga perlu dihadapi.

Walaupun cabaran-cabaran ini akan dihadapi untuk beberapa tahun yang mendatang, saya yakin bahawa MPM akan berjaya mengatasinya dengan sifat ketekunan dan semangat berpasukan dalam organisasi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi pengiktirafan kepada setiap Ahli-ahli Majlis, Jawatankuasa dan Sekretariat MPM yang lama mahupun yang baru bagi penglibatan dan dedikasi mereka dalam memenuhi kehendak perubahan ini.



**Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**

**Presiden Majlis Perubatan Malaysia**



# **Maklumat** Korporat

Dalam usaha memberi perkhidmatan perubatan yang selamat dan kompeten untuk negara, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah ditubuhkan oleh Akta Parlimen yang diluluskan pada 27 September 1971 dan telah diwartakan pada 30 September 1971.

Pada 9 Mei 2007, Kabinet telah memberi kelulusan kepada MPM untuk berfungsi sebagai badan korporat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta Perubatan 1971. MPM telah diwartakan sebagai sebuah badan korporat pada 1 Julai 2017 selepas pindaan dibuat kepada Akta Perubatan 1971 pada tahun 2012 dan Peraturan Perubatan 1974 digantikan dengan Peraturan Perubatan 2017.

## Akta & Peraturan

Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), selepas ini dirujuk sebagai "Akta", dan Peraturan Perubatan 2017, selepas ini dirujuk sebagai "Peraturan-peraturan".

## Misi

Matlamat utama MPM adalah untuk memastikan standard etika, pendidikan dan amalan perubatan yang tinggi, demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion perubatan melalui pentadbiran Akta yang adil dan efektif.

## Moto

Melindungi pesakit dan membimbing doktor.



## Objektif Majlis

- Untuk memastikan pengamal perubatan yang berkompeten, sesuai untuk mengamal dan memberi tumpuan kepada keselamatan awam dengan matlamat mencapai ekuiti kesihatan dan meningkatkan hasil kesihatan.

- Meningkatkan hubungan dan perkongsian Majlis dengan orang awam, profession dan pihak berkepentingan untuk tujuan utama Majlis – untuk melindungi kesihatan dan keselamatan orang ramai.

- Memberi piawaian kecekapan klinikal, keselamatan awam dan kelakuan etika dan memastikan piawaian yang dapat mencerminkan jangkaan orang ramai, profesion dan pihak berkepentingan.

- Memperbaiki hasil pengawalseliaan perubatan dan tenaga kerja perubatan dalam Malaysia dengan mengadakan sistem pendaftaran pengamal perubatan yang berwibawa dan sesuai untuk mengamalkan perkhidmatan bersepadu ke dalam perkhidmatan kesihatan.

- Menggalakkan persekitaran pendidikan dan pembelajaran perubatan yang baik di sepanjang kontinum siswazah / pascasiswazah untuk membantu memastikan semua pengamal perubatan telah mencapai piawaian yang diperlukan untuk amalan perubatan di negara ini.

## Kuasa Majlis

Seksyen 4A, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)
Pendaftaran dan pensijilan pengamal perubatan.
Pengawalan standard pengamal perubatan yang berdaftar.
Pengawalan kod professional dan etika pengamal perubatan yang berdaftar.

## Fungsi Majlis

Seksyen 4, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)
Mendaftar pengamal perubatan.
Mengawal selia amalan perubatan.

## Fungsi-fungsi Utama MPM:

Menjalankan aktiviti akreditasi dan pengiktirafan institusi perubatan di dalam dan di luar negara dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Untuk mendaftar semua pengamal perubatan yang layak termasuk pendaftaran pakar perubatan.

Mengawal selia etika dan tatatertib pengamal perubatan berdaftar.

Menerbit dan mengemaskini garis panduan yang berkaitan dengan amalan perubatan di Malaysia.

Untuk mendaftar semua pengamal perubatan yang layak termasuk pendaftaran pakar perubatan.

Untuk menguruskan Daftar pengamal perubatan dan pakar perubatan.

Untuk menilai dan mendaftar pengamal perubatan berdaftar di luar Malaysia.

Menilai serta memantau latihan dan prestasi pegawai perubatan siswazah di bawah Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (MQC).



**Pendaftaran pengamal bagi tujuan mengamalkan perubatan di Malaysia:**

Melaksanakan tindakan-tindakan lain bagi memenuhi keperluan berdasarkan Akta.

Untuk mempertimbangkan kes-kes pengamal dengan kecelaruan mental atau ketidakupayaan fizikal bagi memastikan kecergasan mereka untuk beramal.



# Presiden

**Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**
Seksyen 3(1)(a) Akta Perubatan 1971 & 3A(1)(a) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)

# Ahli-ahli

**Sebelum 1 Julai 2017 dilantik/dipilih di bawah Akta Perubatan 1971**
**Selepas 1 Julai 2017 dilantik/dipilih di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**

## Dilantik:
## Universiti & Kolej Universiti

**Seksyen 3A(1)(b) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**



Prof. Dr. Ahmad Hata Rasit
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Emeritus Dr. Cheong Soon Keng
(15.11.17-14.11.20)



Maj. Gen. (Rtd) Dato' Pahlawan Dr. R Mohanadas
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Dr. Shaiful Bahari bin Ismail
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Dr. Victor Lim Kok Eow
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Dato' Dr. Yang Faridah binti Abdul Aziz
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Dr. Zabidi Azhar bin Mohd Hussin
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Dr. Zamberi Sekawi
(15.11.17-14.11.20)



Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy
(15.11.17-14.11.20)

## Dilantik:
## Sektor Swasta
### Seksyen 3A(1)(c) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)


Dr. Chew
Chee Ming
(08.11.17-07.11.20)


Prof. Dato'
Dr. Kandasami Palayan
(08.11.17-07.11.20)


Prof. Datuk Dr. Megat
Burhainudin bin
Megat Abdul Rahman
(08.11.17-07.11.20)

---

## Dilantik:
## Sektor Awam
### Seksyen 3(1)(g) Akta Perubatan 1971
### Seksyen 3A(1)(d) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)


Datuk Dr. Jeyaindran
Tan Sri Sinnadurai
(29.02.16-31.05.18)


Datuk Dr.
Christina Rundi
(29.03.2016-28.03.19)


Dr. Jamilah
binti Hashiim
(02.02.17-01.02.20)


Dato' Dr.
Azman Abu Bakar
(01.06.18-31.05.21)

---

## Dipilih:
## Semenanjung Malaysia
### Seksyen 3(1)(d) Akta Perubatan 1971
### Seksyen 3A(1)(e) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)


Dato' Dr. Abdul
Hamid Abdul Kadir
(14.08.16-13.8.19)


Prof. Datuk Dr. Abdul
Razzak bin Mohd Said
(14.08.16-13.8.19)


Prof. Dato' Sri Dr.
Abu Hassan
Asaari bin Hj Abdullah
(14.08.16-13.8.19)



Prof. Dato' Dr. Anuar Zaini Md Zain (14.08.16-13.8.19)



Dr. David Quek Kwang Leng (14.08.16-13.8.19)



Dr. Fadzilah Hasan (14.08.16-13.8.19)



Dr. Milton Lum Siew Wah (14.08.16-13.8.19)



Dato' Dr. Zaki Morad bin Mohd Zaher (14.08.16-13.8.19)



Datuk Dr. Zainal Ariffin bin Omar (14.08.16-13.8.19)

---

## Dipilih:
## Semenanjung Malaysia
### Seksyen 3A(1)(e) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)



Prof. Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim (27.01.18 – 26.01.21)



Dato' Dr. Lailanor bin Ibrahim (27.01.18 – 26.01.21)



Prof. Dato' Dr. Mafauzy bin Mohamed (27.01.18 – 26.01.21)



Prof. Madya Dr. Mohamed Rusli bin Abdullah (27.01.18 – 26.01.21)



Prof. Dr. Nor Azm bin Kamaruddin (27.01.18 – 26.01.21)



Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad bin Wan Bebakar (27.01.18 – 26.01.21)

## Dipilih: Sabah
**Seksyen 3A(1)(f) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**



Datuk Dr. Hajah
Suzain bt Datuk Suhaimi
(24.08.17-23.08.20)

---

## Dipilih: Sarawak
**Seksyen 3(1)(f) Akta Perubatan 1971**
**Seksyen 3A(1)(g) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**



Dr. Lim Joo Kiong
(01.07.15-30.6.18)

## Dipilih: Sarawak
**Seksyen 3A(1)(g) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**



Dr. Kalwinder Singh Khaira
(01.07.18-30.06.21)

---

## Dilantik: Universiti Malaya
**Seksyen 3(1)(b) Akta Perubatan 1971**



Prof. Dr. Azad
Hassan Abdul Razack
(22.12.16-30.6.17)



Prof. Dr. Wan
Azman bin Wan Ahmad
(25.01.17-30.6.17)



Prof. Dr. Adeeba
binti Kamarulzaman
(25.01.17-30.6.17)

---

## Dilantik: Universiti Sains Malaysia
**Seksyen 3(1)(c) Akta Perubatan 1971**



Prof. Dato' Dr.
Mafauzy bin Mohamed
(01.04.15-30.6.17)



Prof. Dr. Shaiful
Bahari bin Ismail
(25.01.17-30.6.17)



Prof. Dato' Dr.
Ahmad Sukari bin Halim
(25.01.17-30.6.17)

## Dilantik: Universiti Kebangsaan Malaysia
**Seksyen 3(1)(c) Akta Perubatan 1971**



Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy
(27.10.14-30.6.17)



Prof. Dr. Hatta Sidi
(27.10.14-30.6.17)



Prof. Dr. Nor Azmi Kamaruddin
(23.03.17-30.6.17)

## Dilantik: Universiti Putra Malaysia
**Seksyen 3(1)(c) Akta Perubatan 1971**



Prof. Dr. Sharifah Roohi Syed Waseem Ahmad
(01.04.15-30.6.17)



Prof. Dr. Hamidon Basri
(01.04.15-30.6.17)



Prof. Dr. Zamberi Sekawi
(01.04.15-31.01.17)



Prof. Madya Dato' Dr. Khairul Asri bin Mohd Ghani
(01.02.17-30.6.17)

## Dilantik: Universiti Malaysia Sarawak
**Seksyen 3(1)(c) Akta Perubatan 1971**



Prof. Dr. Awi Idi
(01.04.15-30.6.17)



Prof. Dr. Ahmad Hata Rasit
(03.05.17-30.6.17)



Prof. Madya Dr. Syed Alwi Syed Abdul Rahman
(29.07.14-30.6.17)

## Dilantik: Universiti Malaysia Sabah
**Seksyen 3(1)(c) Akta Perubatan 1971**



Prof. Datuk Dr. Mohd Yusof bin Ibrahim
(19.04.17-30.6.17)



Prof. Dr. Rajesh Kumar Muniandy
(19.04.17-30.6.17)

## Kumpulan Pengurusan Presiden



Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah

## Ketua Pegawai Eksekutif



Dato' Dr. Azmi bin Shapie
(hingga 4 Januari 2018)



Dato' Dr. Mohd. Khairi bin Yakub
(dari 3 Disember 2018)

| Alamat | Telefon | Emel | Laman Web |
| --- | --- | --- | --- |
| Majlis Perubatan Malaysia,<br>Blok B, Aras Bawah,<br>Jalan Cenderasari<br>50590 Kuala Lumpur. | 03-26912171<br>Faksimili<br>03-26912937, 03-26938569 | admin.mmc@moh.gov.my | mmc.gov.my |

## Carta Organisasi MPM



# Carta Fungsi MPM

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

## BHG. DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Merangka dan membangunkan peraturan –peraturan /garis panduan /kriteria pendaftaran pengamal perubatan.

Perancangan & pembangunan pelan strategik perkembangan amalan perubatan dan penilaian semula.

Perancangan dan pembangunan, dasar-dasar, peraturan, garis panduan, kriteria dan pelaksanaan aktiviti pendaftaran pengamal perubatan.

Merancang, membangun dan menyelaras aktiviti pendaftaran pengamal perubatan supaya selaras dengan perkembangan perkhidmatan perubatan.

Penyelarasan dan pemantauan isu-isu pendaftaran perubatan di peringkat intra/inter agensi.

Mengumpul maklumat berkaitan pengamal perubatan.

Penyelarasan dan pemantauan isu-isu pengamal perubatan di peringkat tempatan dan antara bangsa;

Penyelarasan dan pemantauan bagi tujuan menangani isu-isu berkaitan pengamal perubatan tempatan dan antara bangsa;

Penyelarasan bagi tujuan penyeragaman global berkaitan keperluan regulatori.

Perkhidmatan perunding dan nasihat berhubung dengan pengamal perubatan dan aktivitinya.

Menyelaras dan mengurussetia mesyuarat, bengkel, program kerja sama dan aktiviti – aktiviti berkaitan dengan dasar amalan perubatan.

Memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam aspek komunikasi dan perhubungan awam.

Mengukuhkan perhubungan Pihak Berkuasa MPM dengan media massa.

## BHG. PENDAFTARAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISMA

Untuk memproses permohonan pendaftaran pengamal perubatan di Malaysia.

Membangun, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pengamal perubatan iaitu;

Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)

Ujian Kelayakan dan Fitness To Practice

Pengiktirafan / akreditasi

Pendaftaran pakar

Pendaftaran bukan pakar

KPI, ISO dan Quality Assurance Program (QAP)

Perakuan Amalan Tahunan

Pengendalian / Penangguhan Khidmat Wajib

Penilaian dan pendaftaran pengamal perubatan;

Penyemakan permohonan dan

pengeluaran sijil pengamal perubatan

## BHG. ETIKA DAN PERUNDANGAN

Menjalankan aktiviti berkaitan etika dan perundangan berikut:

Penguatkuasaan
Pemantauan
Siasatan
Pendakwaan
Pembelaan

Mengawal dan mengawasi amalan perubatan supaya mematuhi kod etika pengamal perubatan.

Pengumpulan maklumat berkaitan pengamal perubatan yang tidak berdaftar dan salah laku pengamal perubatan.

Pemantauan dan pengawasan prestasi keselamatan dan obligasi selepas pendaftaran pengamal perubatan merangkumi *adverse event, reporting, recall, incident investigation.*

Merancang operasi pencegahan kepada pengamal perubatan yang melakukan kesalahan di bawah Akta.

Melakukan lawatan dan pemeriksaan bagi memperolehi bahan bukti dan dokumen.

## BHG. KHIDMAT PENGURUSAN

Pengurusan Majlis Perubatan Malaysia iaitu:

- Pentadbiran
- Sumber Manusia
- Logistik dan Pengangkutan
- Keselamatan
- Kewangan & Perakaunan

Inventori aset/stor

Pembangunan system dan penyelenggaraan ICT.

Pembangunan, pelaksanaan dan Penyenggaraan system apliksi.

pendaftaran dan persijilan;

Pembangunan, pelaksanaan,

pemantauan dan penyelenggaraan pangkalan data dan pengurusan; dan

Validasi perisian pengamal perubatan.




# Laporan Pencapaian

# Pencapaian Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

## Fakta MPM 2017/2018

| Fakta | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| Pendaftaran Sementara | 6147 | 5867 |
| Pendaftaran Penuh tanpa Syarat Seksyen 14(1) Akta | 3879 | 3748 |
| Pendaftaran Penuh dengan Syarat Seksyen 14(3) Akta | 313 | 265 |
| Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) | 256 | 210 |
| *Letter of Good Standing* (LOGS) & Lain-lain Dokumen | 827 | 640 |
| Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) | 44802 | 48190 |
| Jumlah Aduan yang Diterima (di bawah Akta Perubatan 1971) | 107 | 38 |
| Jumlah Aduan yang Diterima (di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)) | 11 | 69 |

## Jawatankuasa-jawatankuasa MPM

Jadual Pertama di dalam Akta memperuntukkan penubuhan jawatankuasa oleh Majlis untuk membantunya melaksanakan tugas-tugasnya. Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

| | Jawatankuasa-jawatankuasa |
|---|---|
| Pra-Pendaftaran | • Jawatankuasa Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR)<br>  • Utama<br>  • Teori<br>  • Klinikal |
| Pendaftaran / Pensijilan | • Jawatankuasa Penilaian 1 (Kelayakan Pra-siswazah)<br>• Jawatankuasa Penilaian 2 (Kelayakan Pakar Perubatan)<br>• Jawatankuasa Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) |
| *Fitness to Practice* (FTP) | • Jawatankuasa *Fitness to Practice* (FTP)<br>• Jawatankuasa *Medical Review Panel* (MRP)<br>• Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (*Medical Qualifying Committee*) |
| Pengiktirafan/ Penetapan Standard | • Jawatankuasa Teknikal Bersama (MPM, KKM, JPA, MQA, KPM)<br>• Jawatankuasa Pendidikan Perubatan (*Medical Education Committee*)<br>  • Jawatankuasa Kecil MEC Pra-Siswazah<br>  • Jawatankuasa Kecil MEC *Housemanship*<br>  • Jawatankuasa Kecil MEC Pasca-Siswazah<br>  • Jawatankuasa Kecil MEC Sub-kepakaran |

| | Jawatankuasa-jawatankuasa |
|---|---|
| Etika/Tatatertib | • Jawatankuasa Etika<br>• Jawatankuasa CPC (Code of Professional Conduct)<br>• Jawatankuasa Amalan Perubatan (Good Medical Practice)<br>• Jawatankuasa Keterangan Pakar (Expert Witness)<br>• Jawatankuasa untuk Semakan Garis Panduan Amalan Perubatan bagi Pengamal Berumur Melebihi 70 tahun<br>• Jawatankuasa untuk Semakan Garis Panduan Hubungan Doktor dan Industri Farmasi<br>• Jawatankuasa untuk Semakan Garis Panduan Implikasi Etika Doktor Dalam Situasi Konflik<br>• Jawatankuasa untuk Semakan Garis Panduan Ujian Klinikal dan Penyelidikan Bioperubatan<br>• Jawatankuasa Perintah Tetap (Standing Orders)<br>• Jawatankuasa Draf Pertuduhan (Draft Charge)<br>• Di bawah Akta Perubatan 1971:<br>o Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (I-VI)<br>• Di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012):<br>o Jawatankuasa Pengurusan Aduan<br>o Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (1-5)<br>o Jawatankuasa Panel Lembaga Tatatertib (1-5) |
| Legislatif | • Jawatankuasa Semakan Akta Perubatan dan Peraturan Perubatan |
| Pentadbiran | • Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengkorporatan<br>• Jawatankuasa Pentadbiran Kewangan dan Perakaunan<br>• Jawatankuasa Pilihanraya |

Keahlian jawatankuasa-jawatankuasa di atas diperinci di dalam bahagian Lampiran.

## Pendaftaran Pengamal Perubatan

Semua pengamal perubatan perlu berdaftar dengan MPM untuk mengamalkan profesion perubatan secara sah di Malaysia. Keperluan ini adalah untuk memastikan bahawa seorang pengamal perubatan itu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan tahap kecekapan yang sepatutnya dalam memberikan rawatan yang selamat dan berkesan kepada orang awam di Malaysia.

Kategori pendaftaran di bawah MPM adalah seperti:

**a. Pendaftaran Sementara (di bawah Seksyen 12 dan 13 Akta)**

- Pendaftaran Sementara membenarkan pengamal baru yang berkelayakan menjalani latihan klinikal di bawah penyeliaan.
- Setelah selesai latihan ini dengan jayanya, pengamal akan diberikan pendaftaran penuh.

**b. Pendaftaran Penuh (di bawah Seksyen 14 Akta)**

- Pendaftaran Penuh membolehkan seorang pengamal perubatan beramal tanpa penyeliaan.
- Terdapat dua jenis Pendaftaran Penuh:

**i. Tanpa syarat (di bawah Seksyen 14(1) Akta)**

- Tiada sekatan dan syarat dikenakan selepas selesai khidmat wajib.

**ii. Dengan syarat (di bawah Seksyen 14(3) Akta)**

- Pengamal berdaftar adalah tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan, selepas berunding dengan Majlis.

- Pengamal dibenarkan untuk beramal, mengikut tempat amalan yang ditentukan, skop amalan dan tempoh masa yang ditetapkan.

**c. Pendaftaran Pakar Perubatan (di bawah Seksyen 4A, 4B dan 4C Akta)**

- Wajib berdaftar selepas pindaan kepada Akta Perubatan 1971.

- Seorang pakar perubatan yang namanya tidak didaftarkan ke Daftar Pakar tidak dibenarkan beramal sebagai pakar dalam sesuatu bidang itu.

**d. Perakuan Pengamalan Sementara (di bawah Seksyen 16 Akta)**

- Perakuan Pengamalan Sementara dikeluarkan kepada pengamal berdaftar di luar Malaysia yang ingin mengamalkan perubatan di Malaysia sama ada untuk tujuan latihan pengamal tempatan di dalam bengkel/persidangan, penyelidikan dan latihan klinikal.

## Pendaftaran Sementara

Bilangan pengamal yang diberikan Pendaftaran Sementara dalam tempoh 2 tahun yang lalu mengikut kelayakan institusi, sama ada dari institusi awam tempatan, institusi swasta tempatan atau dari luar negara adalah seperti di dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Jumlah Pendaftaran Sementara Pengamal Perubatan Mengikut Institusi**

| Institusi | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| Dalam Negara: Awam | 1591 | 1482 |
| Dalam Negara: Swasta | 2308 | 2509 |
| **Jumlah Dalam Negara** | **3899** | **3991** |
| Luar Negara | 2248 | 1876 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **6147** | **5867** |

Memandangkan ada pengamal perubatan memilih laluan alternatif atau memilih untuk mengembangkan karier mereka di luar negara selepas mendapat pendaftaran, angka-angka itu tidak menggambarkan dengan tepat bilangan doktor yang memasuki latihan siswazah di Malaysia.

**Carta 1: Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar Sementara**




Seorang pengamal perubatan yang berdaftar secara sementara layak untuk beramal sebagai Pegawai Perubatan Siswazah di bawah pengawasan di hospital-hospital latihan siswazah yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Senarai hospital latihan siswazah disertakan di dalam Lampiran.

Walaupun pra-pendaftaran dan standard latihan siswazah di bawah kelolaan MPM, pelaksanaannya adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

## Pendaftaran: Pendaftaran Penuh

Pengamal layak memohon Pendaftaran Penuh setelah berjaya menjalani latihan siswazah di Malaysia atau latihan klinikal di luar negara yang diiktiraf. Jadual berikut menunjukkan statistik pengamal perubatan yang telah berdaftar penuh dengan MPM.

**Jadual 2: Jumlah Pendaftaran Penuh Mengikut Kewarganegaraan dan Pusat Latihan Siswazah**

| Akta Berkaitan | Kategori | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran merujuk kepada Seksyen 14(1) | Warganegara – Latihan Siswazah Dalam Negara | 3808 | 3660 |
| | Warganegara – Latihan Siswazah Luar Negara | 71 | 88 |
| **Jumlah** | | **3879** | **3748** |
| Pendaftaran merujuk kepada Seksyen 14(3) | Bukan Warganegara – Latihan Siswazah Dalam Negara | 15 | 0 |
| | Bukan Warganegara – Latihan Siswazah Luar Negara | 298 | 265 |
| **Jumlah** | | **313** | **265** |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **4192** | **4013** |

Carta 2: Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh Mengikut Kewarganegaraan




## Pendaftaran: Pendaftaran Pakar Perubatan

Sebelum pindaan kepada Akta Perubatan 1971 dibuat, Senarai Pakar Kebangsaan (NSR) telah ditubuhkan sejak Ogos 2006. NSR telah diwujudkan dengan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Akademi Perubatan Malaysia (AMM) dengan mewujudkan daftar pakar di negara ini melalui proses pendaftaran sukarela. Memandangkan proses pindaan kepada Akta Perubatan akan mengambil masa, ia dipersetujui semua bahawa AMM akan menjalankan dan mengekalkan NSR sehingga pendaftaran pakar menjadi keperluan wajib di bawah undang-undang.

Pada 1 Julai 2017, Senarai Pakar telah diwajibkan berikutan penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012). Dengan ini, semua pengamal perubatan berdaftar yang ingin berlatih sebagai pakar perlu memastikan nama mereka dimasukkan ke dalam Daftar Pakar.

Walaupun Senarai Pakar ini harus dikendalikan oleh MPM, hal ini belum lagi disahkan sepenuhnya oleh MPM dan AMM.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan pakar yang mendaftar dengan pendaftaran pakar sebelum dan selepas penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

**Jadual 3: Jumlah Pendaftaran Pakar Perubatan Sebelum dan Selepas Pengutkuasaan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**

| | Sebelum Penguatkuasaan | | Selepas Penguatkuasaan |
|---|---|---|---|
| Tahun | 2017 | | 2018 |
| | Sebelum 1 Julai | Selepas 1 Julai | |
| Awam | 701 | 109 | 1628 |
| Swasta | 120 | 735 | 520 |
| **Jumlah** | **821** | **844** | **2148** |

## Pendaftaran: Perakuan Pengamalan Sementara (TPC)

Jadual di bawah menunjukkan jumlah Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) yang telah dikeluarkan untuk tujuan selain pekerjaan dalam tempoh 2 tahun yang lalu.

**Jadual 4: Jumlah Perakuan Pendaftaran Sementara (TPC) yang Dikeluarkan**

| Tahun | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| **Jumlah TPC** | 256 | 210 |

**Jumlah TPC Mengikut Negara Asal Pemohon bagi Tahun 2017/2018**

| Negara | Jumlah Pemohon | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2018 |
| Afghanistan | 0 | 1 |
| Australia | 7 | 1 |
| Austria | 1 | 0 |
| Bahrain | 0 | 2 |
| Bangladesh | 4 | 6 |
| Belgium | 1 | 0 |
| Bhutan | 3 | 1 |
| Brazil | 1 | 0 |
| Chile | 1 | 1 |
| China | 12 | 9 |
| Egypt | 5 | 2 |
| Perancis | 0 | 1 |
| Jerman | 5 | 5 |
| Hong Kong | 1 | 1 |
| India | 17 | 10 |
| Indonesia | 18 | 13 |
| Iran | 0 | 1 |
| Iraq | 3 | 1 |
| Ireland | 0 | 1 |
| Italy | 4 | 4 |
| Jepun | 29 | 30 |
| Jordan | 1 | 0 |
| Korea | 20 | 18 |
| Kyrgyztan | 1 | 0 |
| Laos | 2 | 0 |

| Negara | Jumlah Pemohon | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2018 |
| Libya | 1 | 0 |
| Malaysia | 7 | 3 |
| Mauritius | 1 | 3 |
| Mongolia | 1 | 1 |
| Myanmar | 8 | 5 |
| Nepal | 1 | 2 |
| Belanda | 1 | 0 |
| Oman | 1 | 1 |
| Pakistan | 6 | 3 |
| Papua New Guinea | 1 | 0 |
| Filipina | 7 | 12 |
| Arab Saudi | 0 | 1 |
| Singapura | 21 | 12 |
| Sri Lanka | 1 | 0 |
| Sudan | 13 | 15 |
| Switzerland | 1 | 2 |
| Syria | 1 | 0 |
| Taiwan | 6 | 2 |
| Thailand | 19 | 27 |
| UAE | 1 | 0 |
| Uganda | 0 | 1 |
| United Kingdom | 8 | 8 |
| Amerika Syarikat | 9 | 3 |
| Vietnam | 3 | 1 |
| Yaman | 2 | 0 |

## Lain-lain Dokumen: Letter of Good Standing (LOGS)

*Letter of Good Standing* (LOGS) diperlukan untuk tujuan pendaftaran dengan majlis-majlis perubatan luar negara atau badan pendaftaran profesional yang lain. Sijil ini dikeluarkan berdasarkan permintaan dari pengamal perubatan berdaftar yang telah mematuhi perkhidmatan wajib atau syarat pendaftaran yang lain serta mereka yang tidak mempunyai sebarang tindakan tatatertib yang belum selesai atau diambil terhadap mereka. Setiap sijil LOGS hanya sah selama tiga bulan dari tarikh pengeluaran sijil.

Selain daripada pengeluaran sijil LOGS, unit ini juga ditugaskan untuk memproses dokumen-dokumen lain seperti terjemahan sijil amalan dan pendaftaran yang biasanya diperlukan bersama-sama dengan sijil LOGS. Jadual di bawah memberikan jumlah beban kerja Unit LOGS bagi tahun 2017 dan 2018.

**Jadual 5: Jumlah Pengeluaran (LOGS) dan Lain-lain Dokumen**

| Tahun | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| **Jumlah** | 827 | 640 |

## Fitness To Practice (FTP)

MPM bersetuju bahawa perlunya sebuah jawatankuasa khusus untuk menentukan keupayaan seorang pengamal perubatan yang terlibat dalam kes-kes ketidakcekapan atau kecelaruan mental sama ada boleh beramal dengan selamat dan cekap ataupun tidak. Fungsi ini dipenuhi oleh jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

a) Jawatankuasa *Fitness to Practice* (FTP)
b) Jawatankuasa *Medical Review Panel* (MRP)

## Jawatankuasa Fitness To Practice (FTP)

Bagi memenuhi tuntutan menilai tahap keupayaan mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar melaksanakan tugasnya sebagai pengamal perubatan disebabkan oleh kecacatan fizikal atau mental, atau ketidakcekapan yang mendalam, MPM telah diberi kuasa untuk melantik Jawatankuasa *Fitness to Practice* (FTP) di bawah seksyen 24(4) Akta Perubatan (Pindaan 2012).

Jawatankuasa ini akan menentukan dan mengesyorkan kepada Majlis sama ada seorang pengamal layak untuk terus beramal dan Jawatankuasa juga boleh mengesyorkan kepada Majlis untuk mengenakan sekatan kepada pengamal perubatan berdaftar yang terlibat daripada beramal. Jawatankuasa ini juga boleh merujuk seseorang pengamal itu kepada Jawatankuasa *Medical Review Panel* (MRP) apabila difikirkan perlu.

Jadual di bawah meringkaskan cadangan Jawatankuasa FTP yang telah dikemukakan kepada Majlis.

**Jadual 6: Ringkasan Cadangan Jawatankuasa FTP pada Tahun 2017/2018**

| Cadangan Jawatankuasa FTP | | Tahun/Bil. Kes | |
|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2018 |
| Fit to Practice | Diberi Pendaftaran Penuh | 6 | 6 |
| | Diberi Pendaftaran Sementara | 13 | 14 |
| | Dibenarkan meneruskan latihan siswazah | 8 | 12 |
| | Dibenarkan beramal | 2 | 6 |
| Not Fit to Practice | Pemberhentian Pendaftaran Penuh | 0 | 1 |
| | Pemberhentian Pendaftaran Sementara | 1 | 0 |
| | Perlu rawatan susulan | 0 | 0 |
| Lain-lain | | | |
| **Jumlah** | | **30** | **39** |

## Jawatankuasa Medical Review Panel (MRP)

Walaupun telah dimansuhkan dalam Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), Majlis berdasarkan kuasa yang diberi untuk membentuk sesebuah jawatankuasa telah mengekalkan Jawatankuasa *Medical Review Panel* (MRP) untuk terus mengkaji dan menguruskan kes-kes kecelaruan mental dalam kalangan pengamal perubatan berdaftar.

Jadual di bawah meringkaskan cadangan Jawatankuasa MRP yang telah dikemukakan kepada Majlis.

**Jadual 7: Ringkasan Cadangan Jawatankuasa MRP pada Tahun 2017/2018**

| Cadangan Jawatankuasa MRP | | Tahun/Bil. Kes | |
|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2018 |
| Fit to Practice | Diberi Pendaftaran Penuh | 42 | 48 |
| | Diberi Pendaftaran Sementara | 14 | 6 |
| | Dibenarkan meneruskan latihan siswazah | 99 | 75 |
| | Dibenarkan beramal | 33 | 29 |
| Not Fit to Practice | Pemberhentian Pendaftaran Penuh | 1 | 0 |
| | Pemberhentian Pendaftaran Sementara | 5 | 3 |
| | Perlu rawatan susulan | 24 | 11 |
| Tertunda | Kes-kes ditangguhkan sementara dokumentasi lengkap | 30 | 20 |
| **Jumlah** | | **248** | **192** |

## Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)

Akta Pindaan 2012 telah menetapkan keperluan mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan perlindungan insurans indemniti peribadi untuk permohonan APC. Walau bagaimanapun, syarat ini belum lagi dilaksanakan sepanjang tempoh 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2018.

Hal ini bertujuan bagi memberikan masa yang cukup untuk pengamal perubatan untuk melakukan persediaan bagi syarat-syarat tambahan ini. Keperluan mata CPD bagi permohonan APC hanya akan dilaksanakan untuk permohonan APC tahun 2020 dengan pengumpulan mata CPD bermula dari Julai 2019. Manakala, keperluan untuk perlindungan insurans indemniti peribadi hanya akan diwajibkan bagi permohonan APC tahun 2021.

**Jadual 8: Jumlah APC Mengikut Sektor dan Tempat Amalan**

| Negeri | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|
| | Awam | Swasta | Awam | Swasta |
| Kuala Lumpur | 5003 | 2606 | 5052 | 2625 |
| Labuan | 73 | 22 | 81 | 24 |
| Putrajaya | 866 | 31 | 999 | 34 |
| Johor | 2310 | 1580 | 2451 | 1606 |
| Kedah | 1538 | 630 | 1677 | 622 |
| Kelantan | 2169 | 307 | 2250 | 308 |
| Melaka | 879 | 562 | 1046 | 575 |
| Negeri Sembilan | 1273 | 524 | 1455 | 533 |
| Pahang | 1439 | 382 | 1622 | 380 |
| Pulau Pinang | 1657 | 1210 | 1854 | 1222 |
| Perak | 1888 | 1100 | 2132 | 1091 |
| Perlis | 301 | 48 | 361 | 62 |
| Selangor | 4757 | 4117 | 5371 | 4195 |
| Terengganu | 1259 | 270 | 1411 | 262 |
| Sabah | 2384 | 551 | 2946 | 551 |
| Sarawak | 2530 | 536 | 2824 | 543 |
| Lain-lain | 0 | 0 | 19 | 6 |
| **Jumlah** | 30326 | 14476 | 33551 | 14639 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 44802 | | 48190 | |

Carta 3: Jumlah APC Mengikut Sektor Amalan




Carta 4: Peratusan APC Mengikut Sektor Amalan



# Akreditasi & Pengiktirafan Institusi Perubatan

Pengamal perubatan yang ingin dilesenkan untuk berlatih di Malaysia mestilah lulus dari institusi perubatan yang diiktiraf seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan atau telah lulus Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR).

Bagi tujuan akreditasi program perubatan, Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) telah ditubuhkan berdasarkan Akta 679 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). JTC terdiri daripada lima agensi kerajaan seperti yang disenaraikan di bawah:

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | Presiden Majlis Perubatan Malaysia |
| Ahli | : | Majlis Perubatan Malaysia (5 Orang Wakil) |
| | | Kementerian Kesihatan Malaysia (2 Orang Wakil) |
| | | Kementerian Pendidikan Malaysia (4 Orang Wakil) |
| | | Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (1 Orang Wakil) |
| | | Jabatan Perkhidmatan Awam (1 Orang Wakil) |

Dalam proses akreditasi program perubatan, MPM telah bekerjasama dengan MQA. Peranan MPM adalah memberi input dalam JTC dan mengambil bahagian dalam lawatan Akreditasi MQA sebagai wakil badan profesional.

Merujuk kepada Jadual 9, sehingga tahun 2018 terdapat sebanyak 13 program perubatan tempatan dari sektor awam dan 22 program perubatan dari sektor swasta yang telah diiktiraf oleh MPM dan menjalani proses akreditasi oleh MQA dan MPM.

Senarai penuh institusi perubatan yang diiktiraf seperti yang diwartakan di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan boleh diakses melalui laman web Majlis, mmc.gov.my.

**Jadual 9: Senarai Program Perubatan Tempatan Yang Diiktiraf MPM**

| No. | Universiti |
|---|---|
| | **Sektor Awam** |
| 1 | Universiti Malaya (UM) |
| 2 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 3 | Universiti Kebangsaan Malaysia - Universitas Padjadjaran, Indonesia (UKM-UNPAD) |
| 4 | Universiti Sains Malaysia (USM) |
| 5 | Universiti Sains Malaysia - International Medical Programme, Belgaum, Bangalore (USM-KLE) |
| 6 | Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) |
| 7 | Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| 8 | Universiti Islam Antarabangsa (UIA) |
| 9 | Universiti Teknologi MARA (UiTM) |
| 10 | Universiti Malaysia Sabah (UMS) |
| 11 | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| 12 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) |
| 13 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) |

| No. | Universiti |
|---|---|
| | **Sektor Swasta** |
| 1 | International Medical University (IMU) |
| 2 | Penang Medical College (PMC) |
| 3 | Melaka-Manipal Medical College (MMMC) |
| 4 | Universiti Kuala Lumpur - Royal College of Medicine Perak (UniKL-RCMP) |
| 5 | AIMST University |
| 6 | Monash University Malaysia |
| 7 | UCSI University |
| 8 | Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) |
| 9 | Management & Science University - International Medical School, Bangalore (MSU-IMS) |
| 10 | Management & Science University, Shah Alam Campus (MSU) |
| 11 | Newcastle University Medicine Malaysia (NuMed) |
| 12 | MAHSA University |
| 13 | Taylor's University |
| 14 | Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) |
| 15 | SEGi University |
| 16 | Asia Metropolitan University (AMU) |
| 17 | Perdana University Graduate School of Medicine (PUGSOM) |
| 18 | Perdana University – Royal College of Surgeons, Ireland (PU-RCSI) |
| 19 | Lincoln University College (LUC) |
| 20 | QUEST International University Perak (QIUP) |
| 21 | WIDAD University College |
| 22 | Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) |

## Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR)

Individu yang memiliki ijazah Perubatan sarjana muda yang tidak diiktiraf serta tidak disenaraikan di dalam Jadual Kedua mestilah menduduki dan lulus peperiksaan dengan MPM terlebih dahulu sebelum sebelum boleh didaftarkan untuk mengamalkan perubatan di Malaysia.

Sebelum tahun 2015, di bawah Peraturan Perubatan (Penetapan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara) 2012, graduan yang tidak diiktiraf dibenarkan menduduki peperiksaan yang dikenali sebagai Peperiksaan Kelayakan Perubatan (MQE) di dalam program perubatan yang telah diakreditasi dan yang ditawarkan oleh badan atau pusat peperiksaan yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Dengan Perakuan Perubatan (Penetapan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara) 2015, MQE telah digantikan dengan Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR). Untuk tujuan ini, Jawatankuasa EPR MPM telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada jawatankuasa utama dan dua (2) jawatankuasa kecil  bagi mengendalikan peperiksaan teori dan peperiksaan klinikal.

Dengan EPR, pemohon perlu menduduki peperiksaan teori yang diadakan di bawah pengawasan Jawatankuasa Kecil Teori iaitu Kertas Teori EPR. Mereka yang lulus kemudiannya akan menjalani peperiksaan klinikal yang diadakan di salah satu institusi pengajaran perubatan yang diiktiraf di Malaysia. Keputusan peperiksaan tersebut akan akan dimaklumkan kepada Majlis sebelum makluman kepada calon dibuat.

Peperiksaan EPR yang pertama telah diadakan pada bulan Julai 2016. Selepas daripada itu,peperiksaan EPR dirancang untuk dua kali setahun dengan pemeriksaan teori yang biasanya bermula pada bulan Mac dan September setiap tahun. Mereka yang lulus akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan klinikal kira-kira 3 bulan selepas peperiksaan teori.

**Jadual 10: Keputusan Peperiksaan Pendaftaran Sementara**

| Bahagian Peperiksaan | | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Mac | Sept | Mac | Sept |
| Peperiksaan Teori | Bilangan Calon | 58 | 34 | 47 | 49 |
| | Lulus | 37 | 18 | 14 | 23 |
| | Gagal | 21 | 16 | 33 | 26 |
| Peperiksaan Klinikal | Bilangan Calon | 36 | 15 | 17 | 21 |
| | Lulus | 33 | 15 | 14 | 20 |
| | Gagal | 3 | - | 3 | 1 |
| Peratus Lulus Peperiksaan (%) | | **56.9%** | **44.1%** | **29.8%** | **40.8%** |

## Etika dan Tatatertib

Akta ini memperuntukkan kes-kes berikut untuk didengar di bawah Akta Perubatan 1971 (pra-pindaan) dan Peraturan Perubatan 1974:

a. Kes yang sudah menjalani siasatan sebelum 1 Julai 2017;
b. Aduan diterima sebelum 1 Julai 2017; dan
c. Aduan yang diterima selepas 1 Julai 2017 kerana dakwaan kesalahan yang berlaku sebelum tarikh tersebut.

Selain itu, aduan yang diterima selepas 1 Julai 2017 akan diproses di bawah peruntukan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) dan Peraturan Perubatan 2017. Keputusan dari dua (2) prosedur yang berbeza di dalam pengurusan aduan ditunjukkan di bawah:

**Jadual 11: Aduan yang Disanksi kepada JPP pada 2017/2018 Di bawah Akta Perubatan 1971**

| Tahun/JPP | JPP I | JPP II | JPP III | JPP IV | JPP V | JPP VI | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2017** | 21 | 20 | 20 | 17 | 13 | 16 | **107** |
| **2018** | 5 | 8 | 14 | 5 | 1 | 5 | **38** |

**Jadual 12: Aduan Dipindahkan/Disanksi kepada PIC pada 2017/2018**
**Di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**

| Tahun/PIC | PIC 1 | PIC 2 | PIC 3 | PIC 4 | PIC 5 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bermula 1 Julai 2017** | 2 | 2 | 2 | 2 | 3 | **11** |
| **2018** | 16 | 14 | 14 | 13 | 12 | **69** |

**Carta 5: Bilangan Aduan yang Diteruskan/Disanksikan ke PIC dan Aduan Per 1000 Pengamal dalam 5 Tahun yang Lalu**




| | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| **Bil Aduan PIC** | **118** | **107** |
| **Bil Aduan Per 1000 Pengamal** | **2.6** | **2.2** |

Jadual berikut merangkumi hasil siasatan masing-masing di peringkat PIC dan Majlis.

**Jadual 13: Keputusan Pendengaran Di peringkat PIC - Di bawah Peraturan Perubatan 1974**

| Keputusan | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| Kes dibuang terus oleh JK Penyiasatan Permulaan [Peraturan 28] | 24 | 10 |
| Kes tidak dapat diteruskan, pengadu tidak dapat dihubungi [Peraturan 29 (3)] | 35 | 16 |
| Selepas pengadu disoal siasat, tiada bukti kukuh [Peraturan 29 (4)(a)] | 18 | 19 |
| Selepas responden disoal siasat, tiada bukti kukuh [Peraturan 29(7)(a)] | 13 | 6 |
| Kes dikemukakan kepada Majlis untuk pendengaran [Peraturan 29(7)(b)] | 23 | 29 |
| Responden memilih untuk tidak membuat kenyataan di PIC & dirujuk kepada Majlis [Peraturan 29(5)] | 13 | 9 |
| JUMLAH | **126** | **89** |

**Jadual 14: Keputusan Pendengaran Di peringkat Majlis - Di bawah Akta Perubatan 1971**

| Keputusan | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| *Charges Dismissed* | 0 | 2 |
| *No Case to Answer* | 14 | 29 |
| *Reprimand* | 8 | 8 |
| *Suspension from the medical register* | 0 | 3 |
| *Suspended suspension* | 0 | 3 |
| *Struck off from the medical register* | 1 | 1 |
| **Jumlah** | **23** | **46** |

**Jadual 15: Keputusan Pendengaran di PIC Mulai Julai 2017 hingga Disember 2018 - Di bawah Peraturan Perubatan 2017**

| Keputusan | PIC 1 | PIC 2 | PIC 3 | PIC 4 | PIC 5 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Dibuang terus di bawah Peraturan 39(1)(a) Nama dan alamat pengadu tidak diketahui atau tidak dapat dikesan | - | - | - | - | - | **-** |
| Kes dibuang di bawah Peraturan 39(1)(b) – kes tidak melibatkan kesalahan tatatertib | 1 | - | - | 1 | 1 | **3** |
| Kes dibuang di bawah Peraturan 39(1)(c) – terdapat sebab untuk meragui kebenaran aduan atau maklumat | - | - | - | - | - | **-** |
| Kes dibuang di bawah Peraturan 40(2)(a) – Tiada tindakan lanjut diambil | - | - | - | - | - | **-** |
| Peraturan 40(2)(b) – Aduan akan dikemukakan kepada Lembaga Disiplin bagi siasatan lanjut | 1 | - | - | - | - | **1** |

Di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) satu kes telah dirujuk kepada Lembaga Tatatertib 1 dan kini sedang menunggu siasatan.

Butiran lanjut mengenai kes boleh diakses melalui laman web kami, mmc.gov.my.

## Pendapatan MPM

Jadual berikut menunjukkan hasil pendapatan Majlis untuk tahun 2017 dan 2018.

**Jadual 16: Hasil Pendapatan MPM bagi Tahun 2017 - 2018**

| Butiran | 2017 | | 2018 |
|---|---|---|---|
| | Sebelum Julai 2017 | Selepas Julai 2017 | |
| Perakuan Pengamalan Tahunan (APC), Pendaftaran Sementara & Penuh Bagi Warganegara | 421,011.63 | 3,902,849.59 | 8,240,415.02 |
| Perakuan Pengamalan Sementara (TPC), Pendaftaran Penuh bagi Bukan Warganegara | 116,862.50 | 233,750.00 | 217,750.00 |
| Penalti Permohonan Lewat Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) | 84,340.00 | 334,983.61 | 604,590.00 |
| Bayaran Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR) | 22,000.00 | 320,000.00 | 389,700.00 |
| *Court Award* | 50.00 | 224,580.00 | 3,120.00 |
| Lain-lain (LOGS, Caj Terjemahan, Caj Pindaan, Caj Salinan, Caj Penghantaran) | - | - | 545,117.34 |
| **Jumlah (Rm)** | **644,264.13** | **5,016,163.20** | **10,000,692.36** |

# Lampiran: Keahlian Jawatankuasa MPM

## Jawatankuasa Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR)

### Pengerusi



Prof. Dato' Dr. Mafauzy bin Mohamed (Main Committee)
Prof. Dr. Nabishah binti Mohamad (Theory Exam Committee)
a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau kurangan (dipegang untuk perdagangan) pada mulanya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.

c) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya diukur seperti yang berikut:

   i) Nilai saksama; atau

   ii) Kos ditolak amaun penjejasan nilai (hanya untuk pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga pasaran dalam pasaran aktif dan dengan nilai saksamanya tidak boleh

   iii) Mengiktiraf semua perubahan terkumpul pada nilai saksama dalam komponen berasingan bagi aset bersih/ekuiti sehingga penyahiktirafan atau penjejasan nilai berikutnya, apabila entiti itu akan memindahkan keuntungan atau kerugian terkumpul kepada lebihan atau kurangan. Kerugian penjejasan nilai tersebut tidak boleh ditimbal balik melalui lebihan atau kurangan.

**vii) Hartanah, Loji dan Peralatan**

**Had Nilai Permodalan**
Had Nilai Minimum permodalan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000 bagi setiap item, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

**Pengiktirafan dan Pengukuran Awal**
Hartanah, Loji dan Peralatan pada mulanya direkodkan pada harga kos bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran manakala bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

**Pengiktirafan dan Pengukuran Berikutnya**
Hartanah, Loji dan Peralatan kemudiannya diukur menggunakan model kos, yang mana nilai bawaan aset adalah pada harga kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul.

**Kos Susulan**
(a) Kos penggantian bagi komponen aset yang dapat meningkatkan manfaat ekonomi, potensi perkhidmatan dan usia guna aset, perlu dipermodalkan dengan penyahiktirafan yang setara bagi komponen aset yang diganti. Perbelanjaan pembaikan dan penyelenggaraan bagi aset tersebut diiktiraf sebagai belanja
(a) (b) Alat ganti dan peralatan penyenggaraan yang dipermodalkan merujuk kepada alat ganti dan peralatan penyenggaraan yang digunakan secara spesifik dengan sesuatu aset Hartanah, Loji dan Peralatan atau alat ganti utama dan peralatan tunggu sedia ("standby unit") apabila Kerajaan Persekutuan menjangka penggunaan alat ganti utama dan peralatan tersebut adalah lebih dari satu tempoh perakaunan.

**Komponen aset**
Komponen aset merujuk kepada pengasingan sesuatu aset kepada komponennya yang signifikan. Setiap bahagian daripada aset Hartanah, Loji dan Peralatan yang mempunyai kos yang signifikan berbanding jumlah kos aset berkenaan dan mempunyai usia guna yang berbeza, hendaklah dikomponenkan secara

**Aset Dalam Pembinaan**
Aset Dalam Pembinaan adalah aset yang sedang dibina dan belum digunakan untuk tujuan yang dikehendaki. Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai semasa tempoh pembinaan. Apabila aset sedia untuk digunakan, Aset Dalam Pembinaan akan dikelaskan semula kepada kategori Hartanah, Loji dan Peralatan yang bersesuaian dan dicaj susut nilai.

**Susut Nilai**
Susut Nilai dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar yang dikira untuk mengagihkan kos atau penilaian bagi aset Hartanah, Loji dan Peralatan yang diukur pada kos ditolak anggaran nilai sisa, sepanjang baki usia gunanya. Caj susut nilai bagi tempoh tersebut diiktiraf sebagai belanja di dalam
Nilai sisa, usia guna dan kaedah susut nilai akan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya bersesuaian.

**Pelupusan**
Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf sebagai hasil/belanja dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku.

**Penjejasan Nilai**
Kebanyakan aset yang dipegang dalam sektor awam adalah aset yang tidak menjana tunai dan bagi aset ini, jika amaun perkhidmatan boleh pulih kurang daripada amaun dibawanya, aset tersebut akan dilaporkan pada amaun perkhidmatan boleh pulih dan kerugian akibat penjejasan nilai tersebut dilaporkan sebagai belanja dalam penyata prestasi kewangan.

**Klasifikasi dan usia guna Hartanah, Loji dan Peralatan**

| KATEGORI | USIA GUNA (TAHUN) |
|---|---|
| **Bangunan** | |
| Bangunan Pejabat | 50 |
| Lain-lain Bangunan | 25 |
| **Jentera dan Peralatan** | |
| Peralatan Perkakas Pejabat | 5 |
| Perabot | 5 |
| Peralatan dan Perkakas ICT | 5 |
| Peralatan dan Perkakas Komunikasi | 5 |
| Peralatan dan Perkakas Sekuriti | 5 |
| **Kenderaan** | |
| Kereta | 5 |
| Motosikal | 5 |

viii) **Aset Tak Ketara**

Aset Tak Ketara merujuk kepada aset bukan kewangan yang boleh dikenal pasti tanpa ke

**Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Bergantung pada kaedah perolehan Aset Tak Ketara, pengiktirafan dan pengukuran awal Aset Tak Ketara ini akan berbeza, seperti yang berikut:

| Kaedah perolehan | Pengiktirafan dan pengukuran awal |
|---|---|
| Urus niaga pertukaran | Diukur pada amaun diniagakan, yang akan |
| Urus niaga bukan pertukaran | Diukur pada nilai saksama |
| Dijana secara dalaman | Diukur pada kos yang ditanggung dalam fasa |

**Pengiktirafan dan pengukuran berikutnya**

Pengukuran berikutnya bagi Aset Tak Ketara adalah seperti yang berikut:

(a) Aset Tak Ketara dengan usia guna dapat ditentukan menggunakan model kos (kos tolak pelunasan dan penjejasan nilai terkumpul).

(b) Aset Tak Ketara dengan usia guna yang tidak dapat ditentukan tidak dilunaskan, tetapi nilai bawaanya disemak pada akhir tahun kewangan untuk mensatukan sama ada terdapat sebarang petunjuk akan adanya penjejasan nilai pada Aset Tak Ketara tersebut.

**Pelunasan**

Pelunasan dicaj sebagai belanja kepada Penyata Prestasi Kewangan secara garis lurus sepanjang usia guna aset berkenaan. Usia guna dan kaedah pelunasan akan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya bersesuaian.

**Pelupusan**

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset tak ketara diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh di mana urus niaga berlaku.

ix) **Aset Lain**

Aset Lain pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga, dan kemudiannya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.

b) **Liabiliti**

Liabiliti ditakrifkan sebagai obligasi kini bagi entiti yang timbul daripada peristiwa lampau, dan penyelesaiannya dijangka akan mengakibatkan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau

Sesuatu item diiktiraf sebagai liabiliti dalam penyata kewangan entiti jika obligasi tersebut memenuhi takrifan bagi liabiliti dan amaun bagi penyelesaian liabiliti tersebut boleh diukur dengan pasti.

i) **Akaun Belum Bayar**

Akaun Belum Bayar diiktiraf apabila barang atau perkhidmatan telah diterima.

Bagi barangan atau perkhidmatan yang diterima tanpa mengeluarkan Pesanan Belian, Amaun Belum Bayar diiktiraf apabila invois diterima.

Akaun Belum Bayar pada mulanya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama) kemudiannya pada kos terlunas.

ii) **Terimaan Hasil Terdahulu**

Terimaan Hasil Terdahulu diukur pada mulanya pada amaun urus niaga (nilai saksama) dan kemudiannya pada kos terlunas.

iii) **Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf jika, Kerajaan Persekutuan mempunyai obligasi secara sah dan konstruktif, dan yang boleh dianggarkan dengan pasti disebabkan peristiwa yang telah berlaku dan terdapat kemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar sumber-sumber ekonomi untuk menyelesaikan obligasi.

iv) **Liabiliti Lain**

Liabiliti Lain diukur pada mukanya pada amaun urus niaga (nilai saksama) dan kemudiannya pada kos

v) **Liabiliti Persaraan dan Gratuiti**

Pendedahan maklumat pelan manfaat merupakan maklumat pelan manfaat selepas pekerjaan selain daripada pelan caruman yang ditetapkan. Obligasi Majlis Perubatan Malaysia berkenaan dengan pelan persaraan manfaat tertakrif dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar jumlah manfaat masa depan yang diperoleh oleh pekerja sebagai balasan perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan

a) **Pelan Persaraan Caruman Waiib**

Pelan persaraan caruman wajib ialah pelan manfaat selepas pekerjaan di bawah mana sesuatu entiti membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan (contohnya Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan) dan tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar jumlah selanjutnya. Obligasi bagi caruman kepada pelan persaraan caruman wajib diiktiraf sebagai manfaat pekerja perbelanjaan lebihan atau kurangan dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja.

b) **Kelayakan Lain Pekerja**

Hak pekerja untuk gaji dan upah, cuti tahunan, cuti panjang, cuti bersara dan manfaat sejenis yang lain diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan apabila bayaran terakru kepada pekerja. Hak pekerja untuk diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan adalah dilaporkan pada jumlah yang dijangka dibayar. Liabiliti untuk hak pekerja jangka panjang dilaporkan sebagai nilai kini aliran keluar tunai masa depan.

c) **Manfaat Penamatan**

Manfaat pekerja diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan hanya apabila terdapat komitmen yang boleh dibuktikan sama ada untuk menamatkan pekerjaan sebelum tarikh persaraan biasa atau dengan menyediakan manfaat seperti tawaran untuk menggalakkan lebihan pekerja secara sukarela. Manfaat pekerja diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan dilaporkan pada jumlah yang dijangka akan dibayar, jika tidak, mereka dilaporkan sebagai nilai kini aliran keluar tunai masa depan.

Pencen dan ganjaran diiktiraf dalam tempoh apabila khidmat pekerja itu diterima serta diukur berasaskan obligasi masa hadapan pelan itu berdasarkan penilaian aktuari yang termasuk pengiktirafan kos perkhidmatan, kos faedah, keuntungan atau kerugian aktuari, jangkaan pulangan ke atas mana-mana aset pelan dan hak pembayaran ganti yang diiktiraf sebagai aset.

Amaun yang diiktiraf sebagai liabiliti ialah jumlah bersih nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan pada tarikh pelaporan, ditolak nilai saksama bagi aset pelan pada tarikh pelaporan yang akan digunakan untuk menyelesaikan obligasi itu secara langsung.

**ix) Deposit**

Semua urus niaga pembayaran dan penerimaan Deposit diiktiraf diambil kira dengan menggunakan perakaı

Baki deposit dilaporkan sebagai Liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Kategori Deposit adalah

a) Deposit Am {Termasuk Wang Tidak Dituntut}.
Deposit Am diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai saksama.

b) Deposit Pelarasan {Bayaran kepada Commerce Dot Com, Pembatalan Cek/EFT}.
Deposit Pelarasan diiktiraf sebagai liabiliti sehingga amaun dijelaskan.

c) Deposit Pelarasan {Penerimaan tidak dapat dikenal pasti}.
Deposit Pelarasan diiktiraf sebagai liabiliti sehingga amaun itu diselaraskan atau jenis penerimaan dikenal pasti dan seterusnya dikreditkan ke dalam akaun hasil/belanja/amanah masing-masing.

**iv) Liabiliti Lain**

Liabiliti Lain diukur pada mulanya pada amaun urusniaga (nilai saksama) dan kemudiannya pada kos
Tanggungan-tanggungan lain yang diselesaikan di luar dua belas bulan direkodkan pada nilai semasa anggaran aliran keluar tunai masa depan mereka.

**c) Ekuiti**

Ekuiti adalah semua pegangan Majlis Perubatan Malaysia daripada lebihan atau kurangan hasil atau sumber kewangan yang dimiliki oleh Majlis Perubatan Malaysia termasuklah Kumpulan Wang Pinjaman.
Ekuiti Kumpulan Majlis Perubatan Malaysia terdiri daripada Rizab dan Lebihan atau Kurangan.

**i) Rizab**

Rizab merupakan lebihan terkumpul disebabkan oleh penilaian semula ke atas aset bagi menunjukkan nilai saksama sesuatu aset tetapi tidak termasuk lebihan hasil MPM. Rizab MPM terdiri daripada Rizab bagi Penilaian Semula Aset Kewangan Untuk Dijual, Rizab bagi Kesan Perubahan Pertukaran Mata Wang Asing dan Rizab bagi Penilaian Semula Aset.

**ii) Lebihan Atau Kurangan**

Lebihan Atau Kurangan Dana Am memperakaunkan lebihan atau kurangan hasil terkumpul dan semasa berbanding perbelanjaan Kerajaan melibatkan dana daripada Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia.

## D HASIL

Hasil ditakrifkan sebagai aliran masuk kasar manfaat ekonomi dan atau potensi perkhidmatan semasa dalam tempoh pelaporan, apabila aliran masuk tersebut menghasilkan peningkatan aset bersih/ekuiti, selain peningkatan berkaitan sumbangan daripada pemilik. Aliran masuk sumber daripada urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran, selain manfaat bukan monetari, yang memenuhi takrifan bagi aset diiktiraf sebagai hasil

a) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang dikaitkan dengan aset itu akan mengalir kepada entiti; dan

b) nilai saksama aset itu boleh diukur dengan pasti.

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran merupakan hasil daripada urus niaga yang diiktiraf atau diterima oleh MPM tanpa nilai pulangan perkhidmatan atau sumber yang nominal seperti sumbangan geran kerajaan, saman dan penalti. Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran merupakan hasil daripada urus niaga yang diiktiraf atau diterima oleh MPM pada anggaran nilai pulangan atas perkhidmatan atau sumber yang sama nilai seperti Lesen Pendaftaran dan Permit, kadar faedah, jualan barangan dan/atau perkhidmatan.

Titik pengiktirafan bagi Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti jadual di bawah:

| Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran | |
|---|---|
| **Jenis Hasil** | **Titik Pengiktirafan** |
| Denda dan Hukuman | •Pada masa denda/penalti dikenakan:<br>- Penalti bayaran lambat untuk permohonan Sijil Perakuan Amalan Tahunan. |
| Sumbangan Kerajaan dan Sumbangan Tempatan – Contoh:<br>•Hadiah dan Sumbangan | Apabila manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan mengalir masuk ke dalam kepada entiti dan nilai saksama dapat diukur dengan pasti. |
| Terimaan Aset Secara Hadiah dari Kerajaan | Apabila manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan mengalir masuk ke dalam kepada entiti dan nilai saksama dapat diukur dengan pasti. |

| Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran | |
|---|---|
| **Jenis Hasil** | **Titik Pengiktirafan** |
| Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit – Contoh:<br>•Sijil Pendaftaran<br>•Sijil Perakuan Amalan Tahunan | Pada masa lesen pendaftaran atau permit mengamal dikeluarkan. |
| Perkhidmatan Awam | Apabila perkhidmatan telah diberi. |
| Jualan Barang | •Apabila entiti telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan barang kepada pembeli.<br>•Apabila entiti masih mengekalkan kesinambungan penglibatan pengurusan ke tahap yang biasanya dibuat ke atas sesuatu pemilikan dan juga tahap kawalan berkesan ke atas barangan yang dijual.<br>•Amaun hasil dapat diukur dengan pasti.<br>•Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti.<br>•Kos yang dikenakan untuk urusniaga dan kos untuk menyiapkan |
| Faedah (menggunakan kaedah faedah berkesan–EIR) | Atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset. |

**e) Belanja**

Belanja ditakrifkan sebagai pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan aset bersih/ekuiti, selain daripada pengurangan yang berkaitan dengan pengagihan kepada

**i) Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja**

Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja mengakaunkan bayaran kepada kakitangan yang memegang jawatan tetap dan Anggota Pentadbiran sebagai mana yang ditetapkan dalam pekeliling yang berkuatkuasa atau pindaan yang diluluskan oleh Perbendaharaan.
Gaji dan Upah, Elaun dan Manfaat Tetap, Sumbangan Berkanun untuk kakitangan diiktiraf dalam tempoh apabila khidmat pekerja itu diterima dan diukur pada kos urus niaga. Belanja yang belum dibayar dalam tempoh ketika khidmat pekerja itu diterima, diakru sewajarnya.

**ii) Perkhidmatan dan Bekalan**

Perkhidmatan dan Bekalan mengakaunkan semua perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan yang dibeli atau diperoleh termasuk bayaran-bayaran kepada pekerja-pekerja sementara dan sambilan yang tidak memegang jawatan-jawatan tetap.

Perkhidmatan dan Bekalan di atas diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh apabila barang atau perkhidmatan itu digunakan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar dalam tempoh apabila barang atau

Sewa diiktiraf sebagai belanja mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.

**iii) Aset Tidak Dipermodalkan**

Aset Tidak Dipermodalkan adalah perolehan Aset yang tidak akan dipermodalkan termasuk Aset Bernilai Rendah iaitu aset bernilai bawah RM2,000 bagi setiap item yang dibeli.

**iv) Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap**

Perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap mengakaunkan semua bentuk pemberian atau bantuan

Bayaran insurans dan pampasan diukur berdasarkan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan manakala kos pinjaman diiktiraf dalam tempoh pinjaman tersebut diperoleh.

a) Geran dan Caj Tetap (Biasiswa, Penajaan dan Bantuan Pendidikan)
   i) Jika bantuan itu merupakan pinjaman:
      Caj di atas pada mulanya diiktiraf sebagai Pinjaman Belum Terima pada nilai saksama campur kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada kos terlunas.
   ii) Jika bantuan itu bukannya pinjaman:
      Caj di atas diiktiraf sebagai belanja pada kos urus niaga apabila wujud obligasi

b) Geran dan Caj Tetap (Langganan dibayar kepada organisasi antarabangsa)
   Caj di atas dibelanjakan pada kos yang diurusniagakan.
   Caj di atas diiktiraf sebagai belanja pada kos urus niaga apabila wujud obligasi untuk membayar.

c) Geran dan Caj Tetap (Tuntutan Insurans dan Pampasan)
   Caj di atas diiktiraf sebagai peruntukan apabila:
   i) entiti mempunyai obligasi kini (dari segi perundangan atau konstruktif)
   ii) ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi
   iii) anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi amaun obligasi itu.

   Tuntutan insurans dan pampasan diukur berasaskan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan.

d) Faedah, Dividen dan Caj Hutang (Faedah atas Pinjaman)

i) Kaedah Tanda Aras

Kos Pinjaman diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia ditanggung.

ii) Kaedah Alternatif Dibenarkan

Kos pinjaman yang secara langsung berpunca daripada perolehan, pembinaan atau penghasilan aset layak dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut. Pemodalan kos pinjaman akan terhenti apabila sebahagian besar aktiviti yang perlu bagi menyediakan aset sedia untuk digunakan atau untuk dijual, telah selesai. Kos pinjaman dikira berasaskan kaedah

e) Kos Urus Niaga ke atas Pengeluaran Pinjaman

Kos Urus Niaga yang secara langsung berpunca daripada liabiliti kewangan ditolak daripada hasil kutipan pinjaman itu. Kos urus niaga sedemikian dicaj kepada belanja dan amaun sepadannya

f) Kos Pinjaman Lain

Kos Pinjaman diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia dikenakan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar dalam tempoh obligasi itu timbul, diakru sewajarnya.

Perbelanjaan ini, jika tidak dibayar dalam tempoh aset itu digunakan, diakru sewajarnya.

**v) Perbelanjaan Lain**

a) Pulangan Balik Hasil

Perbelanjaan Pulangan Balik Hasil diiktiraf sebagai suatu timbal balik kepada akaun hasil yang bersesuaian dan diukur pada kos yang urus niaga.

b) Hapus Kira

Perbelanjaan Hapus Kira yang dibuat adalah perbelanjaan yang telah diluluskan berdasarkan tatacara hapus kira yang telah ditetapkan tertakluk kepada keputusan Majlis MPM.

- Hapus Kira Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Bagi pinjaman dan akaun belum terima yang bukan pinjaman konsesi, hapus kira pinjaman dan akaun belum terima diiktiraf sebagai belanja apabila pinjaman dan akaun belum terima
Jika pinjaman belum terima itu ialah pinjaman konsesi, perbezaan antara nilai saksama pinjaman dengan harga urus niaga (hasil kutipan pinjaman) diiktiraf sebagai belanja pada pengiktirafan awal. Hapus Kira Pinjaman Belum Terima diiktiraf sebagai belanja apabila pinjaman dan belum

- Pelbagai Hapus Kira

Perbelanjaan di atas diiktiraf sebagai belanja jika berkemungkinan besar amaun itu tidak boleh dipungut dan amaun itu boleh diukur dengan pasti.

c) Bayaran Lain

Bayaran Lain diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh apabila barang atau perkhidmatan itu digunakan. Belanja ini memperakaunkan perbelanjaan lain yang tidak dijeniskan di bawah mana-mana sub kelas perbelanjaan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar dalam tempoh apabila barang atau perkhidmatan itu digunakan, diakru sewajarnya.

d) Kerugian

Belanja ini memperakaunkan kerugian yang diiktiraf apabila berlakunya pelupusan aset melalui jualan, pelupusan/jualan pelaburan dan aset kewangan, pindahan aset, pinjaman dan kerugian lain-lain.

vi) **Kos Barang Digunakan dan Kos Barang Untuk Dijual**

Kos barang digunakan merupakan perbelanjaan khusus bagi inventori dalam bentuk barangan atau bekalan yang digunakan dalam proses pengeluaran atau pun diagihkan semasa menyediakan perkhidmatan manakala kos barang untuk dijual pula memperakaunkan perbelanjaan bagi inventori dalam bentuk barangan atau bekalan yang digunakan dalam proses pengeluaran untuk jualan atau pengagihan.

vii) **Diskaun**

Diskaun merupakan pengurangan atas jumlah tuntutan yang sepatutnya diterima bagi perkara berkaitan terimaan atau hasil kerajaan.

viii) **Susut Nilai dan Pelunasan Nilai**

Perakaunan susut nilai adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh polisi perakaunan Kerajaan Persekutuan bagi setiap kelas aset.

ix) **Penjejasan Nilai**

Apabila amaun boleh diperoleh sesuatu aset adalah kurang daripada nilai bawaan aset tersebut, maka aset tersebut akan dilaporkan pada amaun boleh pulih dan kerugian penjejasan nilai akan diiktiraf.

Semua kerugian penjejasan nilai dilaporkan sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan kecuali jika bagi aset yang dibawa pada amaun nilai semasa, kerugian penjejasan nilai aset tersebut diiktiraf sebagai pengurangan penilaian semula yang diakaunkan di dalam Rizab Penilaian Semula Aset (ekuiti).

Untuk aset yang dipegang bagi menjana tunai, amaun boleh diperoleh bagi aset tersebut adalah amaun yang lebih tinggi yang boleh diperoleh melalui jualan (selepas ditolak kos jualan) atau amaun yang akan dijana melalui penggunaan sepanjang hayat berguna aset tersebut. Bagi aset yang tidak menjana tunai, kos

**f) Pertukaran Mata Wang Asing**

Bagi sama urus niaga, item monetari, item bukan monetari diukur pada kos sejarah dan item bukan monetari diukur pada nilai saksama:

i) Gunakan kadar pertukaran semerta pada tarikh urus niaga

ii) Atas sebab-sebab yang praktikal, kadar Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang hampir menyamai kadar sebenar akan digunakan bagi semua urus niaga yang berlaku sepanjang tempoh tersebut.

Bagi operasi luar negara,

i) Aset dan liabiliti dinyatakan pada kadar penutup bagi tahun kewangan.

ii) Hasil dan belanja dinyatakan pada tarikh urus niaga.

iii) Perbezaan pertukaran mata wang asing diiktiraf sebagai hasil (untung) atau belanja (rugi) di dalam penyata prestasi.

Item monetari dinyatakan menggunakan kadar penutup bagi tahun kewangan. Item bukan monetari yang diukur pada kos sejarah dinyatakan pada kadar pada tarikh urus niaga. Item bukan monetari yang diukur pada nilai saksama dinyatakan pada kadar pada tarikh nilai saksama itu ditentukan.

**g) Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan**

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang baik atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.

Dua jenis peristiwa dapat dikenal pasti:

i) Peristiwa yang terdapat bukti keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa yang memerlukan pelarasan selepas tarikh pelaporan); dan

ii) Peristiwa yang terdapat petunjuk keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa yang tidak memerlukan pelarasan selepas tarikh pelaporan).

Bagi peristiwa yang memerlukan pelarasan selepas tarikh pelaporan, amaun yang telah diiktiraf dalam penyata kewangan diselaraskan untuk menggambarkan peristiwa itu.

Bagi peristiwa yang tidak memerlukan pelarasan selepas tarikh pelaporan, tiada amaun yang perlu diselaraskan dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, ciri dan anggaran kesan kewangan bagi peristiwa yang tidak memerlukan pelarasan yang material (iaitu, peristiwa yang mungkin mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna) perlu didedahkan.

**h) Perbandingan Dengan Bajet**

Merujuk kepada perenggan 21 MPSAS 24 Entiti hendaklah membentangkan perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sebagai lajur tambahan bajet dalam penyata kewangan utama hanya jika penyata kewangan dan bajet tersebut disediakan pada asas boleh banding.

Penyata Prestasi Belanjawan tidak disediakan oleh MPM bagi menyatakan maklumat perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar bagi hasil dan perbelanjaan operasi.

Perbandingan antara bajet dengan amaun sebenar tidak dibentangkan atas dasar tidak boleh banding kepada bajet.

**i) Liabiliti Luar Jangka**

a) Liabiliti Luar Jangka dan
Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka dilaporkan pada masa di mana kontingensi itu adalah jelas. Liabiliti Luar Jangka dinyatakan jika kemungkinan kontingensi itu membentuk tidak terpencil. Aset Luar Jangka didedahkan jika terdapat kemungkinan bahawa faedah akan direalisasikan.

Tiada pengiktirafan liabiliti diperlukan, tetapi Liabiliti Luar Jangka didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

**j) Pengurusan Risiko Kewangan**

MPM terdedah kepada risiko kecairan. Dasar bagi pengurusan risiko diringkaskan seperti berikut:

Risiko Kecairan
Risiko kecairan merujuk kepada risiko bahawa sesuatu entiti yang akan menghadapi kesukaran mampu bayar yang berkaitan dengan liabiliti kewangan.

Risiko kecairan diuruskan pada tahap entiti berasingan umumnya dengan mengekalkan rizab yang mencukupi, kemudahan perbankan dan kemudahan rizab pinjaman, dengan pengawasan berterusan unjuran dan aliran tunai sebenar.

**k) Pendedahan Pihak Berkaitan**
Hubungan pihak berkaitan yang wujud unsur kawalan perlu didedahkan, tanpa mengira sama ada terdapat urus niaga antara pihak berkaitan.

**l) Pelaporan Bagi Perubahan Dalam Dasar Perakaunan**

Semua perubahan dalam dasar perakaunan, anggaran perakaunan dan kesilapan perlu dilaporkan seperti

i) Pemilihan dasar perakaunan
Jika MPSAS bercanggah dengan undang-undang tempatan, maka undang-undang tempatan adalah

ii) Perubahan dalam dasar perakaunan
Dasar perakaunan akan diubah hanya jika perubahan itu diperlukan oleh MPSAS atau jika ia menghasilkan penyata kewangan yang memberikan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan tentang kesan urus niaga, peristiwa lain, dan keadaan kedudukan kewangan, prestasi kewangan, atau aliran tunai entiti. Perubahan diaplikasikan secara retrospektif melainkan dikehendaki selainnya di bawah peruntukan peralihan apabila mengguna pakai MPSAS khusus buat kali pertama. Perubahan dalam dasar perakaunan didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

iii) Perubahan dalam anggaran perakaunan
Perubahan diiktiraf secara prospektif dengan memasukkannya dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh perubahan (jika perubahan itu melibatkan tempoh itu sahaja), atau tempoh perubahan dan tempoh akan datang (jika perubahan itu melibatkan kedua-duanya).

iv) Kesilapan
Kesilapan tempoh terdahulu yang material dibetulkan secara retrospektif dalam set penyata kewangan pertama yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan itu dengan cara:

- Menyatakan semula amaun perbandingan yang dibentangkan bagi tempoh terdahulu apabila semasa kesilapan itu berlaku: atau
- Menyatakan semula baki awal aset, liabiliti dan aset bersih/ekuiti bagi tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan, jika kesilapan itu berlaku sebelum tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan.

**m) Nota terakhir**

Terdapat kes saman melibatkan MPM dengan pengamal perubatan / majikan yang masih dalam proses perbicaraan dimana akan mengakibatkan implikasi kewangan keatas MPM

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember 2018 terdiri daripada:

| | 31 DISEMBER |
|---|---|
| | RM |
| Wang Tunai Di Bank | 11,136,062 |
| Wang Tunai Di Tangan | 3,000 |
| **JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | **11,139,062** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 11,139,062 |
| **Jumlah** | **11,139,062** |

## 6. AKAUN BELUM TERIMA

**i) Akaun Belum Terima daripada Hasil Urus Niaga Pertukaran**

Perincian Akaun Belum Terima daripada Hasil Urus Niaga Pertukaran pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | 31 DISEMBER |
|---|---|
| | RM |
| Penghutang Pengamal Perubatan | 25,876 |
| | **25,876** |
| Kurang: Penjejasan Nilai | - |
| **JUMLAH AKAUN BELUM TERIMA** | **25,876** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 25,876 |
| **Jumlah** | **25,876** |

## 7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kedudukan Hartanah, Loji dan Peralatan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | Lengkapan Pejabat (A35104) | Kenderaan (A34101) | Perabot & Alat Penghawa Dingin (A35105) | Komputer, Perkakasan ICT & Aplikasi Sistem (A38000) | Bangunan - Kabin (A32201) |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | | |
| **Pada 03 Julai 2018** | 23,000 | 126,000 | 21,400 | 523,000 | - |
| Tambahan | 2,348 | - | - | - | 13,900 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - |
| Pengelasan | - | - | - | - | - |
| Susut Nilai | (9,013) | (60,999) | (3,210) | (88,318) | (139) |
| Penjejasan Nilai | - | - | - | - | - |
| **Pada 31 Disember 2018** | **16,335** | **65,001** | **18,190** | **434,682** | **13,761** |
| **Pada 03 Julai 2018** | | | | | |
| Kos | 25,348 | 126,000 | 21,400 | 523,000 | 13,900 |
| Susut Nilai Terkumpul | (9,013) | (60,999) | (3,210) | (88,318) | (139) |
| Penjejasan Nilai Terkumpul | - | - | - | - | - |
| **Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember 20** | **16,335** | **65,001** | **18,190** | **434,682** | **13,761** |

| | 31 DISEMBER |
|---|---|
| **Nilai Bawaan** | RM |
| Lengkapan Pejabat | 16,335 |
| Kenderaan | 65,001 |
| Perabot & Alat Penghawa Dingin | 18,190 |
| Komputer, Perkakasan ICT & Aplikasi Sistem | 434,682 |
| Pelbagai Hartanah, Loji dan Peralatan | 13,761 |
| **JUMLAH HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN** | **547,969** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 547,969 |
| **Jumlah** | **547,969** |

## 8. ASET BUKAN SEMASA LAIN

**Pembinaan Dalam Kemajuan**
Pembinaan Dalam Kemajuan adalah merujuk kepada Sistem *Medical Register, Information & Technical System* (MeRITS) iaitu sistem yang membantu dalam pengurusan dan pemantauan operasi utama MPM. Sistem ini mula dibangunkan pada bulan Julai 2018 dan dijagka siap pac Sistem yang sama juga akan digunapakai oleh pengamal perubatan dalam membuat sebarang permohonan secara online kepada MPM.

Jumlah kos aplikasi sistem ini adalah sebanyak RM492k. Fasa pertama pembayaran telah dibuat sebanyak RM97.6k dalam tahun 2018

**JUMLAH ASET BUKAN SEMASA LAIN**

| | |
|---|---|
| Sistem MeRITS | 97,600 |
| **Jumlah** | **97,600** |

**Sumber Dana:**

| | |
|---|---|
| Dana Am | 97,600 |
| **Jumlah** | **97,600** |

## 9. AKAUN BELUM BAYAR

Kedudukan Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | 31 DISEMBER |
|---|---|
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | 214,013 |
| **JUMLAH AKAUN BELUM BAYAR** | **214,013** |
| Semasa | 214,013 |
| Bukan Semasa | - |
| **Jumlah** | **214,013** |

**Sumber Dana:**

| | |
|---|---|
| Dana Am | 214,013 |
| **Jumlah** | **214,013** |

## 10. EKUITI

**a) Lebihan / Kurangan Dana Am**

| | |
|---|---|
| Lebihan Dana Am Pada 31 Disember 2018 | **11,598,094** |
| **JUMLAH EKUITI** | **11,598,094** |

## HASIL

Perincian Hasil MPM bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

**Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran**

| | | 31 DISEMBER 2018 |
|---|---|---|
| **11.** | **Lesen, Terimaan Pendaftaran Dan Permit** | **RM** |
| | Bayaran Fi Permohonan Pendaftaran Sementara | 1,151,380 |
| | Bayaran FI Permohonan Pendaftaran Penuh | 882,295 |
| | Bayaran FI Sijil Perakuan Amalan Tahunan (APC) | 9,833,335 |
| | Bayaran FI Sijil Perakuan Amalan Sementara | 281,550 |
| | Bayaran FI Permohonan Pembatalan Syarat untuk Pendaftaran | 11,150 |
| | Bayaran FI Permohonan untuk Pendaftaran Pakar | 161,770 |
| | Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara | 136,900 |
| | Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (Teori) | 439,050 |
| | | **12,897,430** |
| **12.** | **Pendapatan Perkhidmatan** | **RM** |
| | Bayaran Carian dan Pengesahan Data dan Maklumat | 3,230 |
| | Bayaran bagi Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Amalan Baik (LOGS) | 443,420 |
| | Bayaran bagi Permohonan Terjemahan Perakuan Sijil | 94,900 |
| | Bayaran bagi Salinan Dokumen atau Sijil | 90,030 |
| | Caj Bayaran Penghantaran Dokumen Melalui Perkhidmatan Pos | 13,380 |
| | Bayaran bagi Permohonan Salinan Rekod Prosiding | 120 |
| | Caj Bayaran Bagi Maklum Balas Melalui Faks | 25 |
| | Caj Bayaran Bagi Pindaan Dokumen / Sijil | 113,150 |
| | Caj Perkhidmatan Bagi Memeriksa Semula Keputusan Peperiksaan EPR | 600 |
| | | **758,855** |
| **13.** | **Perolehan dari Jualan Barang-Barang** | **RM** |
| | Jualan Dokumen Sebutharga | 140 |
| | | **140** |
| **14.** | **Faedah dan Perolehan dari Pelaburan** | **RM** |
| | Faedah Akaun Semasa | 24,205 |
| | | **24,205** |
| **15.** | **Pendapatan Lain** | **RM** |
| | Pelbagai Lain-Lain Pendapatan MMC | 3,242 |
| | | **3,242** |
| | *Jumlah Terimaan Urusniaga Pertukaran* | **13,683,872** |

**Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

| | | 31 DISEMBER 2018 |
|---|---|---|
| **16.** | **Denda dan Hukuman** | **RM** |
| | Denda Lewat Bayar Yuran Fi Sijil Amalan Tahunan | 492,190 |
| | Pendapatan Dari Kemenangan Kes di Mahkamah | 3,120 |
| | | **495,310** |

- MPM telah diluluskan menerima aset secara hadiah daripada KKM pada 03 Julai 2018.

| | | |
|---|---|---|
| **17.** | **Terimaan Aset Secara Hadiah dari Kerajaan** | **RM** |
| | Terimaan Aset Secara Hadiah dari Kerajaan | 505,817 |
| | *Jumlah Terimaan Urusniaga Bukan Pertukaran* | **1,001,127** |

| | 31 DISEMBER 2018 |
|---|---|
| **18. Terimaan Bukan Hasil** | **RM** |
| Geran Mengurus Kerajaan | 2,000,000 |
| *Jumlah Terimaan Bukan Hasil* | **2,000,000** |
| **JUMLAH HASIL** | **16,685,000** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 16,685,000 |
| **Jumlah** | **16,685,000** |

## 19. GAJI, UPAHAN DAN MANFAAT PEKERJA

Perbelanjaan ini adalah merujuk kepada bayaran kepada kakitangan yang memegang jawatan tetap dan Anggota Pentadbiran Majlis Perubatan Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam pekeliling yang berkuatkuasa. Gaji Dan Upahan, Elaun Dan Imbuhan Tetap, Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan diiktiraf dalam tempoh pada masa perkhidmatan kakitangan tersebut diterima dan diukur pada kos urus niaga. Manfaat Pekerja yang dilaporkan adalah bayaran kepada kakitangan termasuk Pencen, Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat.

Perincian perbelanjaan Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | 31 DISEMBER 2018<br>RM |
|---|---:|
| Gaji Dan Upahan | 1,170,146 |
| Elaun Dan Imbuhan Tetap | 517,279 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 159,398 |
| Elaun Lebih Masa | 29,146 |
| Faedah Kewangan Kakitangan Awam | 8,721 |
| Bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bantuan Kewangan | 91,800 |
| **JUMLAH GAJI, UPAHAN DAN MANFAAT PEKERJA** | **1,976,490** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 1,976,490 |
| Jumlah | **1,976,490** |

## 20. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Semua perbelanjaan bagi Perkhidmatan Dan Bekalan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh apabila barangan dan perkhidmatan telah digunakan kecuali untuk sewaan dan bekalan bahan mentah. Sewaan diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penyewaan. Bekalan bahan mentah atau alat ganti diiktiraf sebagai perbelanjaan atau dipermodalkan sebagai inventori bergantung kepada tujuan penggunaan bekalan tersebut.

Perincian perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | 31 DISEMBER 2018<br>RM |
|---|---:|
| Perjalanan Dan Sara Hidup | 356,162 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 4,395 |
| Perhubungan Dan Utiliti | 108,075 |
| Sewaan | 24,690 |
| Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain | 263,266 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli | 36,529 |
| Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti | 1,800,224 |
| **JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN** | **2,593,340** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 2,593,340 |
| **Jumlah** | **2,593,340** |

## 21. PERBELANJAAN LAIN

### i) Perbelanjaan Lain

Perbelanjaan Lain adalah termasuk perbelanjaan Hapus Kira yang diluluskan berdasarkan tatacara hapus kira yang telah ditetapkan.

Perincian Perbelanjaan Lain bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | 31 DISEMBER 2018 |
|---|---|
| | RM |
| Pulangan Balik Dan Hapus Kira | 227,206 |
| Kos Pemilihan Ahli Majlis | 78,139 |
| Bayaran Lain | 50,052 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN LAIN** | **355,397** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 355,397 |
| **Jumlah** | **355,397** |

## 22. SUSUT NILAI, PELUNASAN NILAI DAN PENJEJASAN NILAI

### i) Susut Nilai

Perakaunan perbelanjaan Susut Nilai adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh polisi perakaunan bagi setiap kelas aset.

Perincian perbelanjaan Susut Nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | 31 DISEMBER 2018 |
|---|---|
| | RM |
| Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan | 161,679 |
| **Jumlah Susut Nilai** | **161,679** |
| **Sumber Dana:** | |
| Dana Am | 161,679 |
| **Jumlah** | **161,679** |

**MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**
Block B, Ground Floor,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur